



**MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL 5/2017/2018**

TARIKH : 23 JANUARI 2018 (SELASA)
MASA : 8:30 PAGI
TEMPAT : i) BILIK MESYUARAT 3, ARAS 3 SPS, UTM JB
 ii) BILIK MESYUARAT SPSKL, TINGKAT 8,
 MENARA RAZAK, UTM KL

BIL	KEHADIRAN UTM JB	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Dr. Zaidatun bt Tasir	Sekolah Pengajian Siswazah	5/5
2.	Prof. Dr. Izman bin Sudin	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	3/5
3.	Prof. Madya Ir. Dr. Zaini bin Ahmad	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	5/5
4.	Prof. Madya Dr. Sharidan bin Shafie	Fakulti Sains	4/5
5.	Prof. Madya Dr. Azlina bt. Mohd Kosnin	Fakulti Pendidikan	3/5
6.	Dr. Hasnah bt Mohamed	Fakulti Pendidikan	5/5
7.	Dr. Mohamad Hidayat Bin Jamal	Fakulti Kejuruteraan Awam	4/5
8.	Prof. Madya Dr. Muhammad bin A. Manan	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga	1/1
9.	Dr. Radziah bt Mohamad	Fakulti Komputeran	5/5
10.	Prof. Madya Dr. Baharin bin Ahmad	Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah	4/5
11.	Prof. Madya Dr. Anuar bin Ahmad	Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah	2/4
12.	Dr. Mohd Nasir bin Ripin	Fakulti Tamadun Islam	4/5
13.	Dr. Aminudin bin Hehsan	Fakulti Tamadun Islam	3/5
14.	Prof. Madya Dr. Faizah bt Mohamad Nor	Akademi Bahasa	4/5
15.	Prof. Madya Dr. Noor Hazarina bt Hashim	Sekolah Pengajian Siswazah	5/5
16.	Prof. Madya Dr. Aminah bt Md Yusof	Sekolah Pengajian Siswazah	4/5
17.	Prof. Madya Dr. Nazri bin Ali	Sekolah Pengajian Siswazah	5/5
18.	Pn. Nur Hakimi bt Karsono	Sekolah Pengajian Siswazah	5/5

BIL	KEHADIRAN UTM KL	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Madya Dr. Siti Zaleha bt Abd. Rasid	Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim	5/5
2.	Dr. Nomahaza bt Mahadi	Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim	3/5
3.	Prof. Madya Dr. Mohd Shahidan bin Abdullah	UTM AIS	3/5
4.	Dr. Ooi Chia Yee	UTM MJIT	4/5
5.	Dr. Sa'ardin bin Abdul Aziz	UTM Razak School	4/5
6.	Prof. Madya Dr. Astuty bt Amrin	SPS	4/5

BIL	TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Dr. Ahmad Baharuddin bin Abd. Rahman	Fakulti Kejuruteraan Awam	0/4
2.	Prof. Madya Dr. Kahar bin Osman	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan	2/4
3.	Prof. Madya Dr. Azli bin Yahya	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan	0/4
4.	Prof. Ir. Dr. Mohd Wazir bin Mustafa	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	2/4
5.	Prof. Madya Dr. Muhammad Nadzir bin Marsono	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	4/4
6.	Prof. Madya Dr. Aznizam bin Abu Bakar	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga	2/4
7.	Prof. Madya Dr. Dayang Norhayati bte Abang Jawawi	Fakulti Komputeran	1/4
8.	Prof. Dr. Mohd Nor bin Mohamad	Fakulti Sains	3/4
9.	Dr. Zuhaili bin Mohamad Ramly	Fakulti Alam Bina	3/4
10.	Prof. Madya Dr. Siti Aisyah bt Panatik	Fakulti Pengurusan	1/4
11.	Prof. Madya Dr. Razali Bin Abdul Hamid	Fakulti Alam Bina	1/4
12.	Dr. Suresh A/L Ramakrishnan	Fakulti Pengurusan	2/4
13.	Prof. Madya Dr. Khairur Rijal bin Jamaludin	UTM Razak	2/4
14.	Prof. Zamri bin Mohamed	Perdana School	0/4
15.	Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Bin Zainuddin	SRAD	1/4

BIL	TURUT HADIR	FAKULTI/JABATAN
1.	Prof. Dr. Ezzat Chan bin Abdullah	MJIIT
2.	Dr. Rasimah Che Mohd Yusof	AIS
3.	Prof. Madya Nasrul Humaimi bin Mahmood	Fakulti Kejuruteraan Elektrik
4.	Prof. Madya Dr. Mahmud bin Mohd Jusan	Fakulti Alam Bina
5.	Dr. Aizreena bt Azaman	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan
6.	Dr. Tan Sui Hong	Fakulti Pengurusan
7.	Pn. Hj. Nor Azlinda bt Abu Bakar	AMD
8.	Pn. Intan Shahnaz bt Zulkifli	AMD
9.	Pn. Najwa bt Mohamed	SRAD
10.	Pn. Huzaimah bt Yahya	AHIBS
11.	Cik Khairani bt Ibrahim	ARO
12.	Cik Radiatul Hadaviyah bt Ramlan	SPS
13.	Pn. Akmalinnisa bt Md Hidir	Urusetia
14.	Pn. Nor Hidayati bt Mokhtar	Urusetia
15.	Pn. Noraliza bt Tasiran	Urusetia

1.0 ALUAN Pengerusi

1.1 Notis Hantar Tesis

Pengerusi memaklumkan bahawa ini adalah merupakan mesyuarat JAPSU yang terakhir bagi pelajar yang ingin menghantar notis hantar tesis. Tiada edaran bagi kelulusan notis hantar tesis akan dibuat selepas mesyuarat berlangsung.

Makluman

1.2 Hari Informasi UTM Kuala Lumpur

1.2.1 Mesyuarat dimaklumkan berkenaan '*trend*' terkini yang mana ianya lebih kepada '*remote supervision*' di mana keberadaan penyelia perlu lebih fleksibel dengan tidak berada di tempat yang statik sepanjang masa. Ini kerana masa pelajar yang sedang bekerja atau berada di luar Malaysia adalah berbeza dengan pelajar sepenuh masa.

Makluman

1.2.2 Mesyuarat juga dimaklumkan berkenaan '*trend*' pasaran di Kuala Lumpur yang melebihi jumlah pendaftaran pelajar di Johor Bahru. Oleh itu, fakulti di Johor Bahru perlu merancang dan lebih bersifat fleksibel di mana fakulti boleh mendapatkan kepakaran pensyarah yang berada di Kuala Lumpur bagi menyelia pelajar fakulti, dan sebaliknya.

1.2.3 Penawaran kursus yang bersesuaian juga boleh turut dirancang untuk ditawarkan di kampus Kuala Lumpur kerana peluang yang tinggi dan dapat menarik lebih ramai calon dari Kuala Lumpur untuk menyambung pengajian.

Makluman

1.3 UTM Synergy 4.0 – A New Synergy Horizon

Pengerusi memaklumkan bahawa UTM adalah sedang di dalam proses transformasi penggabungan fakulti/sekolah iaitu daripada 18 fakulti/sekolah yang ada di UTM akan digabungkan kepada 7 kolej sahaja sepertimana:

- i. MJIT
- ii. Kolej Razak
- iii. Azman Hashim International Business School
- iv. College of Science
- v. College of Built Environment
- vi. College of Humanities & Social Science
- vii. College of Engineering & Technology

Sehubungan itu, selaras dengan transformasi ini dan sejajar dengan penjenamaan semula nama kolej yang terkini, SPS akan menyerahkan semua pelajar di bawah program GENERIK SPS kepada kolej-kolej yang berkenaan berkuatkuasa pada September 2018.

Makluman

1.4 Peruntukan MyBrain

1.4.1 Pengerusi memaklumkan bahawa penawaran biasiswa Mybrain masih dalam tindakan pihak kementerian. Walaubagaimanapun selaras dengan keperluan KPT untuk mendapatkan calon bagi memenuhi kuota yang telah ditetapkan iaitu PhD – 750 tempat dan Sarjana Penyelidikan– 300 tempat, SPS telah mengambil pendekatan awal dengan menawarkan kepada pelajar yang berminat untuk mengisi maklumat yang diperlukan terlebih dahulu sebelum menyemak dan menyenarai pendek calon yang layak yang mengikuti syarat yang telah ditetapkan.

1.4.2 Oleh kerana pemakluman Mybrain ini belum dibuat secara rasmi oleh KPT maka pengerusi meminta agar perkara ini tidak dihebahkan kepada orang luar sehinggalah SPS mengumumkan secara rasmi. Walau bagaimanapun Pengerusi memohon agar semua fakulti bergerak dalam merancang serta mendapatkan calon yang layak untuk ditawarkan biasiswa ini.

1.4.3 Pengerusi juga memaklumkan bahawa pengurusan biasiswa yang terkini adalah di bawah Prof. Madya Dr. Noor Hazarina bt Hashim.

Makluman

1.4.4 Untuk makluman, tajaan yuran bagi My Master adalah sehingga RM10,000.00 manakala tajaan yuran bagi PhD adalah sehingga RM20,000.00 dan calon juga layak untuk mendapat elaun sara hidup sebanyak RM1,800.00 sebulan. Dalam menentukan calon yang layak satu sesi temubual akan diadakan dan panel akan terdiri daripada Timbalan Dekan atau Pengurus Akademik Pengajian Siswazah yang mana ianya akan dimaklumkan oleh SPS.

Tindakan : Urusetia SPS

1.5 Urusan Semester I 2017/2018

Pengerusi memaklumkan berkaitan urusan kerja semester 1 2017/2018. Tarikh akhir menghantar tesis adalah pada 30 Januari 2018. Pengerusi memaklumkan pelajar yang masih mempunyai yuran yang tertunggak tesis mereka tidak akan diproses kecuali kepada pelajar yang telah berada pada semester 8/8 bagi program Sarjana Penyelidikan atau 16/16 bagi program PhD.

Makluman

1.6 Mesyuarat JKTS P&P

Pengerusi juga memaklumkan tiada pelajar penyelidikan berstatus TS akan dibentangkan pada pembentangan markah di Mesyuarat JKTS (P&P) pada 5 hingga 6 Feb 2018.

Makluman

1.7 Pemakluman Cuti Tahun Baru Cina 2018

Pengerusi memaklumkan, UTM telah bersetuju untuk mempertimbangkan permohonan cuti dan menangguhkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran pada 14 dan 15 Februari 2018 sempena hari perayaan Gong Xi Fa Cai. Walaubagaimanapun, Universiti telah menetapkan supaya segala aktiviti pada tarikh tersebut digantikan semula bagi melengkapkan jumlah jam pembelajaran dan hari efektif kuliah bagi sesi 2017/2018.

Makluman

1.8 Permohonan & Kriteria Anugerah Akademik Majlis Konvokesyen UTM Ke-60

Pengerusi memaklumkan tarikh pelajar membuat permohonan Anugerah Akademik adalah pada 1 November sehingga 16 Mac 2018. Sehubungan itu, pengesahan maklumat yang perlu diambil tindakan oleh semua Timbalan Dekan bagi tujuan pengesahan calon di fakulti masing-masing adalah dari 12 Mac hingga 23 Mac 2018. Untuk makluman semua pencalonan akan dibawa ke Mesyuarat Senat bertarikh 11 April 2018.

Pengerusi juga memaklumkan berkenaan beberapa kriteria yang telah dikemaskini bagi pemilihan calon dan ianya perlu diambil maklum oleh semua fakulti semasa proses pengesahan dilakukan.

Makluman

1.9 Program Pesisir

Pengerusi memaklumkan bahawa program pesisir telah diserahkan kepada SPS mulai Sem II sesi 2017/2018 dan akan dikenali sebagai UTM Pesisir. Sehubungan itu segala

urusan berkaitan pesisir akan dikendalikan di bawah Unit Pesisir dan Program Khas iaitu Prof Madya Dr Nazri bin Ali. Walau bagaimanapun, sebahagian proses pemasaran dan pengambilan masih dijalankan oleh pihak SRAD.

Makluman

1.10 Proses Kerja Peperiksaan Lisan

Pengerusi memaklumkan bahawa mulai 1 Februari 2018, semua urusan pertukaran status A ke V pelajar akan dibuat oleh fakulti yang mana ianya perlu dikemaskini dalam masa 3 hari bekerja.

Makluman

1.11 Perangkaan Graduan GOT Doktor Falsafah 2018

Pengerusi membentangkan perangkaan graduan GOT PhD bagi tahun 2018 iaitu hanya seramai 67 graduan yang mana kedudukan GOT Graduan Sarjana masih lagi tidak memuaskan. Sehubungan itu, pengerusi meminta agar fakulti mengambil tindakan drastik dalam memastikan serta mendedahkan pelajar dan penyelia berkaitan kepentingan GOT dalam pencapaian KAI UTM.

Makluman

1.12 Aktiviti Pelajar

1.12.1 Perancangan Pertandingan UTM 3MT (2018)

Mesyuarat dimaklumkan berkenaan pertandingan 3MT peringkat Kebangsaan yang mana akan diadakan di Universiti Teknologi Petronas pada 9 Mei 2018. Sehubungan itu fakulti diminta untuk mengambil maklum serta tindakan dalam memastikan pertandingan 3MT peringkat fakulti diadakan mulai 1 hingga 31 Mac 2018. Mesyuarat juga dimaklumkan pertandingan di peringkat UTM akan dibuat pada 17 April 2018 dan bertempat di Dewan UMTLead. Untuk makluman bagi peringkat UTM, pihak SPS akan membantu fakulti sekiranya sesi *coaching* diperlukan.

Makluman

1.12.2 7th IGCESH 2018

Mesyuarat dimaklumkan 7th IGCESH 2018 akan diadakan pada 13 hingga 15 Ogos 2018. Sehubungan itu, bagi mengalakkan penyertaan, Pengerusi meminta agar penerima biasiswa Zamalah dan Ainuddin Wahid diwajibkan untuk menyertai persidangan berkenaan. Pengerusi juga meminta agar semua penasihat PGSS di fakulti untuk membantu dalam penyebaran maklumat berkenaan 7th IGCESH.

Makluman

2.0 MELULUSKAN MINIT MESYUARAT BIL 4/2017/2018

Minit mesyuarat diluluskan dengan sebulat suara.

Makluman

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 Beban Tugas Pensyarah

Mesyuarat telah memutuskan bahawa AMD perlu meletakkan nilai kredit dalam sistem AIMS bagi kursus Kaedah Penyelidikan iaitu sebanyak 3 kredit.

Tindakan : AMD

3.2 Pengambilan Transkrip

Pihak AMD memaklumkan bahawa bagi pelajar antarabangsa yang ingin memohon transkrip sebelum kembali ke negara mereka perlu menghantar surat permohonan atau emel kepada pihak AMD. Dimaklumkan, terdapat 3 kaedah cara pengambilan transkrip iaitu:

- i. Graduan mengambil sendiri di kaunter AMD,
- ii. Graduan menghantar wakil untuk mengambil dokumen di kaunter AMD,
- iii. Graduan memohon untuk mengedpos ke alamat berkaitan.

Sehubungan itu pengerusi meminta agar pihak AMD dapat melihat semula perkara ini supaya urusan pengambilan transkrip dipermudahkan bagi membantu pelajar luar negara sekaligus dapat memudahkan proses kerja pengambilan transkrip.

Makluman

3.3 MOOCS oleh Fakulti Kejuruteraan Awam

Mesyuarat telah dibentangkan berkenaan perjalanan MOOCS bagi program Research Methodology di FKA. Peratusan perkembangan MOOCS bagi program ini adalah telah membuat rakaman video sebanyak 70%. Sehubungan itu bagi memastikan program ini terlaksana dengan jayanya pengerusi memohon agar FKA memaklumkan peratusan perkembangan dalam mesyuarat JAPSU yang akan datang.

Pengerusi mengucapkan tahniah dan meminta agar pihak FKA dapat membuat perasmian kursus RM secara MOOCS dengan membentangkannya di Majlis Perhimpunan Naib Canselor yang akan datang.

Tindakan : FKA

4.0 LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (AMD)

4.1 Cadangan Pembentangan Laporan Keseluruhan Peperiksaan Akhir

Berikutan laporan tindakan JKTS P&P, AMD telah membentangkan format laporan pembentangan markah yang akan dilaksanakan sepertimana yang telah digunapakai di peringkat prasiswazah. Sehubungan itu, Fakulti diminta untuk menyediakan slaid mengikut format yang akan diemailkan oleh pihak AMD dan Dekan Fakulti akan membentangkan **slaid (laporan pencapaian)** dan membaca **status graduan** sahaja.

Tindakan : Fakulti

5.0 LAPORAN BAHAGIAN REKRUTMEN & PENGAMBILAN MAHASISWA (SRAD)

5.1 Jadual Kerja Pendaftaran Mahasiswa Sem II Sesi 2017/2018

Mesyuarat dimaklumkan pendaftaran pelajar akan diadakan pada 6 hingga 7 Februari di UTM JB bertempat di Blok F54 dan pada 10 hingga 11 Februari di UTMKL bertempat di UTM Menara Razak. Manakala bagi minggu orientasi pelajar antarabangsa adalah pada 29 Januari hingga 5 Februari 2018 di UTMJB dan 5 hingga 9 Februari 2018 di UTMKL.

Makluman

5.2 Hari Informasi UTM

Mesyuarat juga dimaklumkan berkaitan dengan Hari Informasi di UTMJB yang diadakan pada 14 Januari 2018 telah selesai dan seramai 195 calon yang hadir, dan *early bird payment* ialah seramai 86 pelajar. Bagi kehadiran di UTMKL yang diadakan pada 21 Januari 2018, seramai 206 calon telah hadir dan antaranya telah mendaftar *early bird payment* iaitu seramai 136 pelajar.

Untuk makluman, penawaran calon yang telah dibuat oleh SRAD adalah seramai 2464 calon pelajar.

Makluman

6.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH

6.1 KEJURUTERAAN

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bidang Kejuruteraan.

Makluman

6.2 SAINS DAN TEKNOLOGI

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bidang Sains Dan Teknologi.

Makluman

6.3 SAINS SOSIAL

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bidang Sains Sosial.

Makluman

7.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR SARJANA

7.1 KEJURUTERAAN

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bidang Kejuruteraan.

Makluman

7.2 SAINS DAN TEKNOLOGI

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bidang Sains Dan Teknologi.

Makluman

7.3 SAINS SOSIAL

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bidang Sains Sosial.

Makluman

8.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS

- 8.1 MOHD IBRAHIM BIN MOHD YUSAK (PA133011)**
- 8.2 NOR SHUHADA BINTI ABD RASHID (PA123003)**
- 8.3 SHIN TO AMIRI (PA123027)**
- 8.4 WAN AMIZAH BIN WAN JUSOH (PA123065)**
- 8.5 MUMTAZ BT M SULTAN SUHAI BUDDEEN (MK133057)**
- 8.6 MOHAMAD ZULHUSNIE BIN MAHADI (MM133031)**
- 8.7 HAZLINDA BINTI ABD AZIZ (PB113016)**
- 8.8 AIDA AMIRA BTE ZALI (MKE143054)**
- 8.9 CHOO YEN LEE (PC103261)**

- 8.10 MUHAMMAD COLMANN BIN ABDULLAH (MCS143035)
- 8.11 CRYSTAL JOAN PETER (PP123063)
- 8.12 KHAIRIAH BINTI RAZALI (PP093110)
- 8.13 LEE LE MING (MGH143011)
- 8.14 NG HUI LIN (MGH143011)
- 8.15 ZULKIFLI AMBAK (PL123006)

Makluman

9.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS DAN PELANTIKAN PANEL BAHARU

- 9.1 MOHD HAMZAIMI AZROL BIN MD. BAHARUDIN (PI113035)
- 9.2 MARWAN NAFEA MINJAL (PE133022)
- 9.3 LIYA BTE MOHAMMAD (ME133030)
- 9.4 KONG CHING YEE (PS103067)
- 9.5 MOHD ZURIX BIN MOHAMED (PL113008)

Makluman

10.0 PERMOHONAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA BAHARU

- 10.1 FOSI MOHAMOUD KOFAL (PY123017)
- 10.2 CHUZAIRY BIN HANRY (PP133058)
- 10.3 SABRINA BINTI SOLOI (PK133033)

Makluman

11.0 PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PEMBETULAN

- 11.1 **MALIK NASERELDIN AHMAD ABD ELRAHMAN (PC103317)**
Diluluskan 2 bulan 23 Januari hingga 22 Mac 2018.
- 11.2 **PAYAM NEJAT (PA123071)**
Diluluskan 2 bulan 23 Januari hingga 22 Mac 2018
- 11.3 **BEHNAZ ARDESHIRZADEH (PK113097)**
Diluluskan 3 bulan 23 Januari hingga 22 April 2018
- 11.4 **SEYED BAHAEEDIN MOUSAVI MAKOEI (PH093129)**
Diluluskan 3 bulan 23 Januari hingga 22 April 2018
- 11.5 **WAN JUZAILI BIN JAMIL (MKE143003)**
Diluluskan 1 bulan 23 Januari hingga 28 Februari 2018

Makluman

12.0 PERMOHONAN PENGECCUALIAN / PENGURANGAN YURAN

12.1 STAF

Mesyuarat meluluskan permohonan pengecualian yuran staf seperti berikut:

- 12.1 **DOKTOR FALSAFAH BAGI SEMESTER 1 SESI 2017/2018**
AISYAH BINTI AHMAD SHAFI PW133011

Makluman

12.2 PASANGAN/ANAK STAF

Mesyuarat meluluskan permohonan pengecualian yuran pasangan/anak staf seperti berikut:

- 12.2.1 MUHAMAD SHAFIE BIN ISSHAM MKP161018**
12.2.2 FARAH AFIQA BINTI MOHD GHAZALI MKE163041
12.2.3 FARAH AMIRA BINTI MOHD GHAZALI PKM170328
12.2.4 ERMI RUZIYANA BINTI MD NORDIN PP113214

Makluman

- 12.2.5 Pengerusi memaklumkan bahawa pengurangan/pengecualian yuran bagi anak/pasangan perlulah memastikan staf berkenaan merupakan staf tetap/kontrak lantikan UTM.

Makluman

13.0 HAL-HAL LAIN

13.1 Kad Kredit Korporat

Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa permohonan bagi kad kredit korporat telah diluluskan di JPU pada 14 Januari 2018. Kertas kerja berkenaan telah dibawa oleh Pejabat TNC(A&A). Walau bagaimanapun, Dekan fakulti tetap perlu mengisi borang permohonan kad korporat sepertimana yang telah disyaratkan oleh pihak Bendahari.

Makluman

13.2 Kod Bagi Aktiviti Pelajar

Mesyuarat dimaklumkan, bagi memastikan rekod kehadiran pelajar untuk aktiviti selain dari aktiviti akademik, satu transkrip akan dikeluarkan menerusi UTMAcad. Sehubungan itu pengerusi meminta agar pihak fakulti memberikan perhatian yang serius berkaitan perancangan aktiviti di bawah PGSS setiap fakulti kerana setiap aktiviti yang dijalankan akan direkodkan dan dikeluarkan dalam transkrip aktiviti pelajar.

Mesyuarat juga dimaklumkan berkenaan kursus terkini yang akan ditawarkan kepada semua pelajar pasca siswazah iaitu kursus elektif yang mana senarai kursus yang dicadangkan adalah diterima daripada fakulti.

Makluman

13.3 Penawaran Kursus

Pihak AMD meminta fakulti membuat penawaran kursus segera kerana pendaftaran kursus bagi Semester II, sesi 2017/2018 akan bermula pada 8 Februari 2018.

Tindakan : Fakulti

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.50 dengan Tasbih Kifarah dan Surah Al-Asr.

Disediakan Oleh:

Disemak Oleh:

PN. NORALIZA BT TASIRAN
Setiausaha
Sekolah Pengajian Siswazah

PN. NUR HAKIMI BT KARSONO
Pemangku Timbalan Pendaftar
Sekolah Pengajian Siswazah